

Perhebat R&D cipta teknologi elak bergantung buruh asing

Kementerian Perusahaan Perlada-nan dan Komoditi baru-baru ini dilaporkan berunding dengan Ke-menterian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia bagi mendapatkan kebenaran khas mem-bawa masuk pekerja asing.

Malah, sebelum ini, sektor peri-kanan laut juga dilaporkan ber-hadapan masalah kekurangan tenaga kerja selepas pekerja asing dari Thailand tidak dibenarkan mema-suki negara ini sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Mac tahun lalu.

Namun, isu ini diselesaikan se-lepas tekong dan awak-awak dari Thailand dibenarkan kembali ke negara ini.

Ribuan pekerja ladang sawit dari Indonesia pulang ke negara mereka ketika Malaysia menutup sempa-dan untuk membendung pandemik.

Mungkin kerajaan boleh memper-timbangkan untuk membenarkan buruh ladang Indonesia yang ter-kandas di negara asal, kembali ke negara ini dengan mengambil con-toh kes di sektor perikanan berban-ding membawa masuk pekerja asing baharu.

Buruh ladang asing dibenarkan kembali perlu mempunyai sijil pe-ngesahan negatif COVID-19 sebelum mendapatkan MyTravelPass.

Sebagai langkah jangka panjang diharap usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) diperhebat ba-gi mencipta teknologi mesin, dron serta robotik dalam kerja meracun dan menuai buah sawit supaya ke-bergantungan kepada pekerja asing dapat dikurangkan.

M Faisal,
Kuala Lumpur